

09/04/1997

Mahathir terima anugerah Bahrain

MANAMA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima anugerah kedua tertinggi Bahrain, 'Ahmad Al-Fatah' sebagai menghargai usaha beliau memperkukuhkan hubungan persaudaraan Islam.

Anugerah itu disampaikan oleh Emir Bahrain Shaikh Isa Salman Al-Khalifa pada satu upacara yang dihadiri oleh kenamaan negara dan asing di Istana Shaikh Hamad, di sini malam tadi.

Dr Mahathir sebelumnya diraikan oleh Emir Bahrain pada majlis jamuan negara.

Turut hadir ialah Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar.

Anugerah itu biasanya diberikan kepada ketua kerajaan dan putera mahkota.

Dr Mahathir tiba di sini semalam dari Kuwait.

Di Kuwait, Dr Mahathir dianugerahkan pingat Mubarakh Al-Kabir. Bulan lalu Perdana Menteri berada di Riyadh untuk menerima Anugerah Raja Faisal daripada Kerajaan Arab Saudi.

Terdahulu itu Dr Mahathir menarik perhatian Forum Ekonomi Negara-Negara Teluk di sini apabila menggunakan 'Prinsip Sinatra' untuk menghuraikan pengalaman, pencapaian dan kejayaan Malaysia.

Dengan merujuk kepada lagu My Way yang dipopularkan oleh Frank Sinatra, Perdana Menteri berkata:

"Kami semua mencapai kejayaan berdasarkan prinsip Sinatra. Kami semua melakukannya mengikut cara kami sendiri. Lebih daripada itu, kami juga melakukannya mengikut fesyen lama tanpa misteri ilmu sihir tetapi dengan membanting tulang, air mata dan keringat."

(END)